

# 200 tutor PJJ ikuti teknik pengajaran berkesan

*Oleh: SHARIL NIZAM SHA'RI*

---

**SERDANG (16-19 Dis)** - Seramai 200 tutor yang dilantik Pusat Pendidikan Luar (PPL) dari seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak berjaya mengikuti Bengkel Pembangunan Tutor Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Bengkel diadakan di Dewan Persidangan PPL dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan sesi tutorial bagi pelajar-pelajar PJJ, kualiti dan kefahaman tutor PJJ serta komunikasi dua

hala antara tutor, pensyarah dan pihak PPL sendiri.

Pengarah Pusat Pendidikan Luar UPM, Prof. Dr. Abdul Aziz Saharee berkata, bengkel ini dapat memastikan usaha PPL melahirkan graduan yang berkualiti sejajar dengan saranan universiti menjadi universiti bertaraf dunia dicapai.

Dengan jelasnya, bengkel ini berupaya memberikan panduan dan motivasi kepada tutor dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pelajar pendidikan jarak jauh yang penuh cabaran.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal

Pelajar) Prof. Madya Dr. Azali Mohamed, merasmikan bengkel tersebut seterusnya berjalan lancar dengan gabungan kepakaran para penceramah seperti Prof. Madya. Dr. Azahari Ismail, Prof. Madya. Dr. Salihan Siais, Dr. Salihin Siais dan Prof. Dr. Turiman Suandi.

Setiap peserta yang hadir mendapat input yang sangat berharga iaitu mengetahui 'Konsep dan Falsafah Pembelajaran Jarak Jauh', 'Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Program Jarak Jauh', 'Pembelajaran Berpusatkan Pelajar' dan 'Bagaimana Memotivasikan pelajar'.